



SIARAN MEDIA

SIRI KELESTARIAN PKS 2023: MELAKAR LALUAN ESG UNTUK PKS

Kuala Lumpur, 21 Mac 2023 – SME Corp. Malaysia dengan kerjasama PETRONAS telah menganjurkan bengkel pertama untuk Siri Kelestarian PKS 2023 pada hari ini, dengan memanfaatkan lebih daripada 50 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam industri perkhidmatan dan peralatan minyak & gas (OGSE). Bengkel ini merupakan sebahagian daripada kempen kesedaran di bawah program PKSlestari bagi membantu PKS termasuk perusahaan mikro melakar laluan kelestarian mereka.

PKSlestari ialah inisiatif oleh SME Corp. Malaysia untuk menggalak dan mempercepatkan penerapan amalan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam kalangan PKS dengan membangunkan ekosistem kelestarian PKS. Ekosistem ini akan merangkumi kesedaran dan pendidikan, Penilaian ESG PKS, sokongan dasar, akses kepada pasaran, piawaian dan pematuhan serta pembiayaan dan insentif.

Bengkel selama satu hari ini mendidik peserta, yang kebanyakannya adalah vendor PKS kepada PETRONAS, tentang kepentingan amalan ESG, pembangunan strategi ESG serta pengukuran dan pemantauan prestasi ESG. Memandangkan ESG semakin penting dan akan menjadi trend masa depan berikutan komitmen Malaysia terhadap Agenda Pembangunan Mampan 2030, kebanyakan firma besar, syarikat multinasional dan Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) telah mula menerapkan amalan ESG dalam operasi perniagaan mereka. Oleh itu, adalah penting bagi PKS untuk menerima pakai amalan ESG kerana ini bukan sahaja akan memberikan impak sosial dan persekitaran yang positif, tetapi juga akan memastikan PKS dapat menembusi rantai bekalan firma besar dan syarikat multinasional yang memerlukan vendor dan pembekal mereka untuk menerapkan amalan ESG.

Peserta yang menghadiri bengkel juga diperkenalkan dengan Penilaian ESG PKS iaitu satu kaedah penilaian sendiri yang boleh memberi panduan kepada firma dalam perjalanan ESG mereka dengan mengenal pasti jurang dalam sistem pengurusan berdasarkan 12 penunjuk ESG yang dikenal pasti. Berdasarkan markah yang diperolehi, PKS akan dikategorikan kepada lima tahap dengan penunjuk yang jelas mengenai tahap ESG mereka dan justeru dapat mengenal pasti kekuatan untuk dipertingkatkan dan kelemahan untuk diperbaiki.

“Kami menyedari bahawa PKS akan mengambil sedikit masa untuk memperoleh pengetahuan dan kepakaran yang berkaitan untuk memastikan kelestarian dalam operasi mereka. Namun begitu, PKS harus memulakan usaha mereka ke arah ini dengan mengambil langkah kecil tetapi pasti dengan segera, tatkala mereka memperkukuhkan dan menyusun semula strategi operasi mereka pasca pandemik COVID-19”, kata Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

Natrah Mohd Tahir, Ketua, Program Strategik & Pelesenan, Pembentukan & Kolaborasi Perolehan, PETRONAS berkata, “Kami percaya sesi ini akan membantu mengukuhkan pemahaman dan komitmen peserta ke arah industri yang mampan untuk OGSE, terutamanya bagi PKS. Dengan pengetahuan yang dipertingkatkan, PKS akan dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat dalam memacu peralihan tenaga.”

Turut hadir pada bengkel ini ialah John Henry Thornton, Pengarah Urusan bagi Kecemerlangan Perniagaan, Dialog Group Berhad, yang telah berkongsi pengalaman dan perjalanan syarikatnya ke arah kelestarian untuk dicontohi oleh syarikat lain. Lain-lain peserta adalah termasuk wakil daripada Majlis Perkhidmatan Minyak, Gas & Tenaga Malaysia (MOGSC), Persatuan Pemilik OSV Malaysia (MOSVA) dan Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC).

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Laman web: www.smecorp.gov.my

Pengarah

**Bahagian Komunikasi Strategik
(U.P.: Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**
Tel : 03-2775 6290
Email : suraini@smecorp.gov.my